



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70000 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsemilan>

Rujukan : ANM.NS.100 – 1/5/3 JLD.2(2)
Tarikh : 7 April 2023

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
KERAJAAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN BIL.
2 TAHUN 2023 : HAD KEKERAPAN PENGGUNAAN *ONE TIME VENDOR (OTV)* DI iGFMAS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) bernombor rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/13(27) bertarikh 29 Mac 2023 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 14 Mac 2023, **kekerapan penggunaan *One Time Vendor (OTV)* di bawah kod vendor 10001 dan 10009 di sistem iGFMAS dihadkan sebanyak tiga (3) kali** untuk setiap ID penerima bayaran bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam tempoh setahun. Ini bagi memastikan penggunaan OTV adalah terkawal penggunaannya kepada keperluan operasi tertentu sahaja.

3. **Pelaksanaan ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2023** dan sekiranya penggunaan OTV telah mencapai tiga (3) kali bagi tahun ini untuk ID penerima berkenaan, Pusat Tanggungjawab hendaklah mewujudkan kod vendor yang bersesuaian untuk meneruskan bayaran.

4. Sehubungan dengan itu, **semua PTJ adalah diingatkan untuk memberi perhatian bagi perkara-perkara berikut :**
 - i. PTJ hendaklah memastikan bahawa semua Arahan Pembayaran oleh PTJ menggunakan maklumat Data Induk Pembekal iGFMAS seperti yang ditetapkan seperti di **Lampiran 1** kepada surat edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) bernombor rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/13(27) bertarikh 29 Mac 2023

 - ii. Kaedah penyelesaian bagi pembayaran yang menggunakan OTV adalah seperti di **Lampiran 2** kepada surat edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) bernombor rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/13(27) bertarikh 29 Mac 2023

5. Bersama-sama ini juga dilampirkan Surat Edaran BPOPP Bil. 2 Tahun 2023 untuk rujukan dan tindakan PTJ selanjutnya.

6. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.


Sekian,terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

'Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan'

Saya yang menjalankan amanah,



ROSNANI BINTI MOHAMAD @ AHMAD C.A(M)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan